

BAYI TERMAKAN NAJIS

B/minggu 13/11/2011 MS 9.

Lelehan hijau masuk dalam paru-paru ketika bersalin boleh mengundang risiko termasuk maut

SAYAwanitaberkerjaya berusia 36 tahun dan ibu tiga anak berumur 10, 8 dan 5 tahun. Ketiga-tiga anak saya dilahirkan melalui pembedahan. Semuanya bermula sewaktu melahirkan anak pertama yang mengalami komplikasi dipanggil 'Meconium Aspiration Syndrome (MAS)' ketika mengalami sakit untuk bersalin. Waktu itu bukaan hanya dua sentimeter menyebabkan saya dikejarkan ke bilik pembedahan. Bukan saja bayi saya mengalami MAS, malah beratnya juga mencecah lebih 4 kilogram. Begitu juga dengan dua lagi anak saya yang juga dilahirkan dengan berat lebih 4 kilogram. Anak (lelaki) sulung saya disahkan mengalami masalah pembelajaran iaitu disleksia ketika berusia 8 tahun. Soalan pertama saya ialah adakah komplikasi MAS tadi memberi kesan sehingga dia mengalami disleksia itu dan kedua, apakah ada tanda-tanda tertentu bagi ibu yang hamil mengesan lebih awal komplikasi ini dan segera bertindak lebih awal.

Wahida, Lumut

INFO

'Meconium' atau mekonium

■ Lelehan usus bayi baru lahir berwarna hijau pekat dan likat. Istilah yang biasa doktor gunakan apabila memberitahu pesakit ia adalah 'najis bayi berwarna hijau.'



■ Ia terbentuk daripada lelehan usus, sesel-sel usus, lendir dan rerambut halus daripada kulit bayi.

■ Perkara biasa terbentuk dalam air ketuban selepas kandungan berusia 34 minggu.

■ Bukan seperti najis dewasa yang kotor dan berkuman.

■ Faktor menggalakkan mekonium termasuk darah tinggi, pre-eclampsia, Oligohidramnios (air ketuban kurang) dan usia kandungan yang lebih hari atau berlanjutan daripada tempoh kehamilan.

■ Semasa bersalin, mekonium boleh termasuk ke dalam paru-paru bayi atau 'Meconium Aspiration Ssyndrome'(MAS).'

■ Boleh sebabkan 'pnemothorax' iaitu paru-paru bayi bocor dan menyebabkan masalah pernafasan.

■ Jika serius boleh menyebabkan kematian.

ASSALAMULAIKUM puan. Untuk pengetahuan pembaca, 'Meconium' atau mekonium adalah lelehan usus bayi baru lahir berwarna hijau pekat dan likat. Istilah yang biasa doktor gunakan apabila memberitahu pesakit ia adalah 'najis bayi berwarna hijau.'

Mekonium adalah perkara biasa yang terbentuk dalam air ketuban selepas kandungan berusia 34 minggu. Doktor tidak akan tahu adanya mekonium dalam air ketuban sekiranya air ketuban tidak dipecahkan.

Sebenarnya mekonium bukanlah najis seperti mana najis orang dewasa yang kotor dan berkuman. Mekonium terbentuk dari lelehan usus, sesel-sel usus, lendir dan lanugo iaitu rerambut halus kulit bayi. Mekonium tidak mengandungi kuman. Bila bayi berada dalam kandungan sebelum ataupun semasa bersalin, akan mengeluarkan mekonium jika bayi mengalami hypoxia iaitu kekurangan bekalan oksigen. Faktor-faktor yang menggalakkan mekonium dihasilkan adalah seperti IUGR, darah

tinggi, pre-eclampsia, Oligohidramnios (air ketuban kurang) dan usia kandungan yang lebih hari atau berlanjutan daripada tempoh kehamilan.

Jadi semasa kelahiran berlaku, mekonium boleh termasuk ke dalam paru-paru bayi. Ini dikenali sebagai 'Meconium Aspiration Syndrome'(MAS).'

Puan, ingin saya ingatkan, masalah MAS yang dialami anak sulung ketika dilahirkan tidak ada kaitan dengan masalah disleksia. Kedua-duanya adalah masalah yang amat berbeza sama sekali.

Masalah MAS lebih serius kalau dibandingkan dengan disleksia. MAS memberi komplikasi teruk seperti saluran pernafasan tersumbat dan menyebabkan atelaktasis - sebahagian paru-paru akan mengecut dan tidak dapat berfungsi untuk pertukaran oksigen dan karbon dioksida.

MAS juga boleh menyebabkan 'pneumothorax' iaitu paru-paru bayi bocor dan menyebabkan masalah pernafasan. Keadaan ini memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU). Mekonium ini juga menyebabkan radang/infla-

masi pada paru-paru dan memerlukan antibiotik dan bantuan pernafasan. MAS juga boleh menyebabkan hipertensi pulmonary yang kronik. Semua masalah itu jika ia serius, boleh membawa kepada kematian.

Disleksia sebaliknya adalah masalah pembelajaran. Ia bukan disebabkan oleh MAS ataupun kekurangan oksigen dalam otak semasa bersalin. Secara amnya bagi pembaca yang lain, disleksia secara khususnya adalah masalah membaca. Ini berlaku kerana otak tidak dapat mengenal dan memproses secara betul sesetengah simbol. Bahagian otak yang terbabit adalah bahagian yang membabitkan interpretasi bahasa. Ia bukan berpunca dari masalah penglihatan.

Perlu puan ketahui, disleksia tidak mengganggu kebolehan seseorang untuk berfikir atau memahami idea-idea yang kompleks. Kebanyakan kanak-kanak atau orang dewasa disleksia mempunyai IQ yang normal atau lebih. Sukar untuk saya terangkan dengan terperinci tetapi secara mudahnya mereka ini mempunyai masalah untuk memahami makna

atau idea terdapat pada ayat-ayat mudah, sukar untuk mengenal perkataan bertulis, dan sukar untuk merimakan bunyi.

Disleksia bukan saja mengenai masalah menulis tetapi mereka ada mengalami masalah mengira. Ini kerana kedua-duanya membabitkan penggunaan simbol. Disleksia juga mempunyai jalinan genetik.

Menjawab soalan kedua puan, mekonium dalam air ketuban adalah satu perkara normal yang kami temui pada setiap kelahiran. Ini bukan bermakna setiap ibu yang mempunyai mekonium perlu menjalani pembedahan bagi mengelakkan komplikasi-komplikasi tadi. Kami akan mengambil kira beberapa faktor seperti kepekatan

mekonium, nadi jantung bayi dengan CTG dan juga perkembangan sesuatu kelahiran itu.

Ini bermakna setiap kelahiran yang mempunyai masalah mekonium kami akan lebih berhati-hati dengan memantau 'kesihatan' bayi dengan CTG sebelum apa-apa tindakan diambil seperti pembedahan. Bagi disleksia pula, tidak ada pencegahan yang khusus tetapi yang penting di sini adalah mengenal pasti disleksia lebih awal supaya latihan dan pembelajaran khusus boleh dilakukan secepat mungkin. Mereka yang mengalami disleksia juga selalu mempunyai masalah komunikasi, perlakuan di sekolah dan juga keyakinan diri yang rendah.



Bagi anda yang memiliki kemusykilan mengenai kesihatan, sila hantarkan soalan kepada 'Doktor di Brita Minggu' melalui e-mel, bminggu@bharian.com.my atau melalui pos di alamat **Berita Minggu, Berita Harian, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100, Bangsar, Kuala Lumpur**. Soalan anda akan dijawab Dr Suhaimi Isa, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan Hospital Pantai Ampang.